


JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
Laman Web : www.dvs.gov.my
Email : pro@dvs.gov.my

Ruj: JPV/DKK/500-4/9 J.Id.2 ()

Tarikh: 28 April 2016

1. Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
Aras 5, Kompleks CS2 Sayap Timur,
Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan
79000 Nusajaya, Johor

Tel : 07-2667501
Faks : 07-2909215

2. Livestock Industry Facilitator (*Fasilitator Industri Ternakan*)

Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia
Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM)
(U/P: Dr. Rahmat SM Sheriff)

H/P : +6017-485 7193
Tel : +603-5633 1779
+603-5633 6955
Faks : +603-5634 2015

Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL myGAP DAN SEMINAR "PENINGKATAN KUALITI PERLADANGAN DAN PENSIJILAN DVS (myGAP DAN myORGANIC)" SEMPENA SAMBUTAN HARI VETERINAR

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti akan mengadakan Program Majlis Penganugerahan Sijil myGAP dan Seminar Peningkatan Kualiti Perladangan dan Pensijilan DVS (myGAP DAN myORGANIC) untuk pengusaha ladang ternakan sempena Hari Veterinar seperti butiran berikut :

Tarikh : 15 Mei 2016 (Ahad)
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : Kompleks Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor
Bandar Bahru Uda, Johor Bahru, Johor

TUGAS KAMI BERBAKTI KEPADA ANDA

3. Program ini bertujuan untuk :

- a) Mempromosikan pensijilan DVS peringkat perladangan iaitu MyGAP dan MyOrganic dan terbuka kepada semua pengusaha ladang ternakan.
- b) Menyampaikan maklumat dan mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan penghasilan produk perladangan yang selamat dan berkualiti serta /atau organik melalui pensijilan MyGAP dan MyOrganic;
- c) Membantu menerangkan tatacara dan proses pensijilan diperingkat perladangan serta prosedur-prosedur yang piawai minima Amalan Penternakan Baik (GAHP) dan keperluan penternakan ayam organik.
- d) Memberikan sijil myGAP kepada penerima sijil myGAP yang telah berjaya menyertai pensijilan ini

4. Program ini mensasarkan penyertaan peserta seramai 100 penyertaan dikalangan pengusaha ladang ternakan dan pegawai-pegawai pembimbing daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

5. Sehubungan itu, mohon jasa baik pihak tuan/puan juga untuk **memanjangkan jemputan ini kepada pengusaha-pengusaha** di negeri masing-masing bagi melancarkan program yang akan diadakan kelak. Bersama ini disertakan tentatif program untuk makluman dan tindakan tuan/puan. Kuota pengusaha yang dicadangkan untuk jemputan tuan/puan adalah seperti berikut :

Negeri Johor	- 50 orang
FLFAM	- 40 orang
Ibu Pejabat DVS	- 10 orang
Jumlah	- 100 orang


6. Susulan daripada itu, pihak kami juga dengan rasa rendah diri memohon agar pihak tuan/puan memaklumkan kehadiran kepada pihak urusetia selewat-lewatnya pada **10 Mei 2016 (Khamis)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai program ini, sila berhubung dengan pihak urusetia Pn Asauji Yusnuryati Bin Md Yusof (03-8870 2142) dan Pn Salfa Deela Bt Hamzah (03-8870 2140) atau melalui email asauji@dvs.gov.my dan salfa@dvs.gov.my.

7. Kerjasama dari tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DR. ZAINOR BIN MOHD)
 Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan
 b.p. Ketua Pengarah
 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

s.k - Fail

Aturcara

**Program PROGRAM MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL myGAP
DAN
SEMINAR "PENINGKATAN KUALITI PERLADANGAN DAN PENSIJILAN DVS (myGAP DAN
myORGANIC)"**

15 Mei 2016 (Ahad)

Masa	Aturcara
8.30 pagi – 9.00 pagi	Pendaftaran peserta seminar dan sarapan
9.00 pagi – 9.15 pagi	Kata alu-aluan dari Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
9.15 pagi – 10.15 pagi	Feasible Organic Practice under Malaysian Condition (Oleh : Prof Madya Dr Azhar Bin Kasim, UPM)
10.15 pagi – 11.15 pagi	myGAP dari Perspektif Industri: Apa, Kenapa, Bila dan Bagaimana? (Oleh: En. Jeffrey Ng Choon Ngee, President FLFAM)
11.15 pagi – 11.30 pagi	Minum pagi
11.00 pagi – 11.30 pagi	Kelibaan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
11.30 pagi – 1.00 petang	Majlis Penyampaian Sijil myGAP
9.00 pagi – 5.00 petang	Pameran booth pensijilan DVS dan khidmat nasihat